**D.R. 40/97**

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parliraen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikui:

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1997 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1995.

Pindaan seksyen 7. *Akla 45.*

**2.** Akta Saraan Hakim 1971 adalah dipinda dalam seksyen 7 dengan menggantikan perkataan "1/20 daripada gaji yang akhir diterimanya bagi tiap-tiap satu bulan genap perkhidmatannya" dengan perkataan "tujuh setengah peratus daripada amaun yang terhasil dengan mendarabkan jumlah bulan genap perkhidmatannya sebagai Hakim dengan gaji terakhir yang diterimanya".

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta Saraan Hakim 1971 supaya "Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996" dijadikan terpakai juga bagi hakim-hakim.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. ($U^2$) 2004.]